

SOALAN NO : 24

Projek WK merupakan satu inisiatif bersifat sementara di mana objektifnya ialah akses permulaan secara kolektif kepada komuniti dalam memupuk minat rakyat terhadap penggunaan Internet terutamanya di kawasan luar bandar dalam penggunaan perkhidmatan Internet. Perkhidmatan WK diberikan sehingga tamat tempoh kontrak secara berperingkat mulai tahun 2015 mengikut fasa terutamanya kawasan yang sudah mempunyai liputan selular seperti 3G.

Kementerian tidak berhasrat untuk meneruskan program ini dan akan memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang menjadi keperluan asas kepada penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang lebih stabil, berkualiti dan bersifat jangka masa panjang.

Projek-projek pembangunan infrastruktur sebegini adalah penting untuk dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan komunikasi dan capaian Internet yang lebih baik dan berkualiti kepada rakyat khususnya yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dapat disediakan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai status negara pintar menjelang tahun 2020.

- (b) Kos anggaran bagi pelaksanaan sebuah WK ialah RM105 ribu bagi tempoh 3 tahun. Semenjak mula dilaksanakan pada tahun 2011, dianggarkan sejumlah RM871 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan projek WK.